

25/03/2004

Musa letak jawatan Menteri Pendidikan

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR: Tan Sri Musa Mohamad yang tidak dipilih sebagai calon pada Pilihan Raya Umum Ke-11, melepaskan jawatannya sebagai Menteri Pendidikan, berkuat kuasa Isnin lalu.

Ketika mengesahkan perkara itu, Musa berkata, beliau berbuat demikian untuk membolehkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memilih Menteri Pendidikan baru dalam penyusunan yang akan dilakukannya berikutan kejayaan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya yang berlangsung Ahad lalu.

"Saya nak bagi Pak Lah pilih Menteri Pendidikan baru tanpa perlu memikirkan mengenai saya. Saya tidak mahu meletakkan Pak Lah dalam keadaan serba salah.

"Lagipun dulu sewaktu mula dilantik, saya janji nak jadi menteri selama tiga tahun saja. Itu pun sudah jadi empat tahun. Itu sudah memadailah," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi semalam.

Musa yang juga bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) dilantik sebagai Menteri Pendidikan pada 10 Disember 1999 sewaktu Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri.

Beliau terus kekal dalam Kabinet pada jawatan berkenaan selepas Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober lalu.

Musa adalah antara tiga Senator yang menyandang jawatan menteri tetapi tidak dipilih sebagai calon dalam pilihan raya umum Ahad lalu.

Dua lagi senator yang juga menteri tetapi tidak bertanding dalam pilihan raya lalu ialah Tan Sri Kasitah Gaddam, yang meletak jawatan sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi pada 17 Februari lalu, serta Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Bagaimanapun, Musa kini masih lagi menjadi anggota Dewan Negara dan tempohnya yang masuk ke penggal kedua dijangka berakhir tahun depan.

Berikutan pelepasan jawatan itu, satu majlis perpisahan dengan beliau diadakan di kementerian di Pusat Bandar Damansara, di sini, pagi semalam.

Difahamkan Musa kemudian berjumpa dengan kakitangan semua bahagian di kementerian berkenaan selepas majlis itu.